

# Mahathir terima pohon maaf ① Utusan

7 OCT 1997  
KUALA LUMPUR 6 Okt. —  
Perdana Menteri, Dato' Sri  
Dr. Mahathir Mohamad ber-  
kata, beliau menerima pohon  
maaf **Utusan** berhubung de-  
ngan isu penggunaan bahasa  
Inggeris semasa beliau dite-  
muramah oleh RCTI (TV  
swasta Indonesia) bulan lalu.

Tambahnya, beliau puas-  
hati dengan penjelasan yang  
diberikan sambil mengucap-  
kan terima kasih kepada  
Utusan kerana menyiarkan  
pohon maaf tersebut dalam  
terbitannya hari ini.

## Terbuka

"Saya tidak susah...boleh  
terima bila-bila masa sahaja  
sebarang pohon maaf," kata-  
nya kepada para wartawan  
ketika ditanya tentang lang-  
kah **Utusan** itu sekembalinya  
beliau dari Brunei petang ini.

**Utusan** pada muka depan-  
nya hari ini meminta maaf  
secara terbuka kepada Dr.  
Mahathir mengenai perkara  
tersebut.

Isu bahasa Inggeris ini ber-  
mula pada 9 September lalu,  
apabila para wartawan me-  
mintanya Perdana Menteri meng-  
ulas penggunaan bahasa Ing-  
geris dalam iklan-iklan yang  
disiarkan melalui televisyen.

LIHAT MUKA 2

## SAMBUNGAN DARI MUKA 1

# MAHATHIR TERIMA POHON MAAF UTUSAN

7 OCT 1997  
/ Dato' Mahathir menjawabnya, Dr. Mahathir berkata, beliau dapat menggunakan bahasa Inggeris di Indonesia lebih meluas dan beliau sendiri ditemuramah dalam bahasa Inggeris oleh RCTI semasa Sidang Kemuncak Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) baru-baru ini.

Wartawan **Utusan** di Jakarta dalam tulisannya pada 17 September menyatakan bahawa Dr. Mahathir yang memintanya ditemuramah dalam bahasa Inggeris, bukan sebaliknya.

Perdana Menteri dalam suratnya kepada **Utusan** pada 19 September menyifatkan tulisan wartawan itu sebagai satu pembowongan dan mengulangi bahawa RCTI yang mahu-  
kan supaya temuramah itu dibuat dalam bahasa Inggeris.

Sementara itu, Setiausaha Agung UMNO, Dato' Mohamed Rahmat turut merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada **Utusan** kerana meminta maaf kepada Perdana Menteri.

Katanya, perkara itu telah dibincangkan dalam mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO yang lalu dan kesemua ahli MT memang berha-

ran kenyataan terbuka seum-  
pama itu dibuat oleh **Utusan**.

"Saya berpuashati dengan kenyataan terbuka yang telah dibuat," katanya kepada uemberita selepas mengha-  
biri perjumpaan dengan Setiausaha Bahagian UMNO dari seluruh negara di sini pagi ini.

Beliau berkata, Kementerian Penerangan akan terus menyiarkan iklan bahasa Inggeris kerana ia adalah dasar kerajaan.

"Kerajaan juga tetap dengan uendirian bahawa bahasa Inggeris sebagai bahasa ilmu dan perdagangan," katanya.

Mohamed juga berharap anak syarikat **Utusan Melayu (M) Berhad**, **Utusan Media and Sales (UMES)** akan meneruskan usaha mencari iklan untuk saluran radio dalam bahasa Inggeris.

"UMES mempunyai kontrak dengan Kementerian Penerangan iaitu mencari iklan untuk semua siaran radio dan saya berharap ia akan diteruskan," katanya.

"Tahun ini kita menganggarkan pendapatan \$30 juta dariuada iklan radio berbanding \$5 juta tahun lalu," katanya lagi.